

# Norashikin hasilkan plastik mesra alam

NORMAWATI MUHAMAD KASIM

**K**ejujian seorang penyayarah Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Norashikin Mat Zain merangkul pingat emas di Pameran Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2009, Mei lalu adalah satu pencapaian membanggakan buat warga UMP. ITEX ialah pameran bagi memperkenalkan penciptaan teknologi dan produk baru yang bertujuan menyelesaikan masalah dan pelabur bermintah menjadikan ciptaan berkenaan dalam bentuk komersial.

ITEX mengumpulkan pameran ciptaan universiti, institusi kajian dan penyelidik secara pensendirian serta sektor korporat dan negara Asia dan Eropah, ia didekati setiap tahun dan siri ke-20 ini dianjurkan Malaysian Invention & Design Society (MINDS).

Menerusi pernyataan di Kuala Lumpur baru-baru ini, penyelidik takut itu berjaya meraih kejayaan 100 peratus melalui projek penyelidikan yang dipertandingkan dan seterusnya mengharumkan nama UMP di pameran antarabangsa itu. Ikti wawancara wartawan Sinar Harian, Normawati Muhamad Kasim bersama Norashikin Mat Zain, pemeringkat pingat emas di pameran itu.

**SINAR HARIAN:** Sejauh pingat emas di ITEX 2009, apakah pencapaian lain yang diperoleh?

Selain memenangi pingat emas, saya juga memenangi Best Invention in Environmental Innovation (Henry Goh Award).

Award), ITEX 2009 menerusi projek penyelidikan saya yang bertajuk "The Potential of Natural Waste for Production of Environmental Friendly Biodegradable Film (Waste to Wealth)".

**SINAR HARIAN:** Apakah resipi kejayaan merangkul pingat emas dan Anugerah Henry Goh di ITEX 2009, Mei lalu?

Sebenarnya, saya tidak menyangka memenangi pingat emas di ITEX 2009 memandangkan ini adalah julung kali saya menyertai pertandingan sedermian. Sebelum ini, suami saya, Mohd Zamri Ibrahim banyak menyertai pertandingan seumpama ini dan dia selalu mengajak saya masuk bertanding. Tetapi pada masa itu, saya belum bersedia dan yakin untuk mempertandingkan hasil ciptaan.

Namun, kali ini saya memberanikan diri dan pada masa sama rasa tercabar di atas pencapaian suami. Saya merangkul pingat emas di ITEX 2009 kerana hasil ciptaan saya boleh menghasilkan plastik yang boleh diulang semula dan ia boleh dihasilkan dengan batang pisang.

**SINAR HARIAN:** Boleh ceritakan mengenai projek yang hasilkan ini? Saya menghasilkan plastik yang diperbuat daripada batang pisang dan kulit jagung yang masih reput berbanding plastik yang dihasilkan pada hari ini. Menurut kajian, lebih 100 juta ton plastik dihasilkan setiap tahun di seluruh dunia. Seserti yang kita maklum, plastik yang tidak reput amat berbahaya kepada alam sekitar terutama kepada hidupan laut seperti penyu, ikan paus, obor-obor yang akan mati jika termakan plastik.

Kebanyakan plastik ciptaan saya ialah boleh reput yang pasti membantu alam persekitaran lebih bersih. Selain memenangi pingat emas, saya juga memenangi Best Invention in Environmental Innovation (Henry Goh Award).

selepas untuk kesihatan kerana dihasilkan daripada bahan semula jadi.

**SINAR HARIAN:** Bagaimanakah terdetik untuk menghasilkan idea ini?

Saya terdetik untuk menghasilkan plastik ini apabila melihat batang pisang yang dilembab ayam saya terbuang begitu sahaja. Saya cuba memikirkan apa yang boleh dihasilkan dengan batang pisang berkuan. Setelah menjalankan penyelidikan, maka terhasil plastik ini. Saya juga sedih melihat banyak hidupan laut mati akibat termakan plastik. Saya berharap bahan makanan dengan plastik yang dibuang ke laut.

**SINAR HARIAN:** Siapakah dorongan dan sokongan hingga berjaya dalam penyelidikan ini?

Pertama, suami banyak memberi sokongan kepada saya dengan mengörkirkir saya memberi komitmen kepada usaha penyelidikan ini. Suami juga seorang penyelidik dan penyayarah yang banyak kali ke luar negara bagi membentangkan kertas kerja, menyertai pertandingan serta pameran penyelidikan. Jadi dia mempunyai lebih banyak pengalaman daripada saya.

Di banyak memberi tumpuan ajal mengajar kos penyelidikan dan bahan apa yang perlu digunakan untuk menjalankan penyelidikan ini. Saya juga berterima kasih kepada UMP kerana memberi sokongan berbentuk kewangan bagi menjayakan penyelidikan ini. Saya juga bersyukur mendapat bantuan penyelidik lain iaitu Dr Iqbal Ahmed,



● Pingat emas dan anugerah 'Best Invention in Environmental Innovation (Henry Goh Award)', yang dimenangi Norashikin di ITEX 2009.



● Pengamatan yang dilakukan antara plastik (yang tidak reput) dan plastik (yang boleh reput) apabila diletakkan dalam tanah dalam jangka masa tertentu.

Lim Rui Hau, Mohd Faizan Jamaluddin dan Zulisyazwan.

**SINAR HARIAN:** Apakah harapan selepas memenangi anugerah ini?

Saya berharap agar plastik ciptaan saya ini dapat dikomersialkan bagi menyelamatkan penyelidikan ini. Saya juga bersyukur mendapat bantuan penyelidik lain iaitu Dr Iqbal Ahmed,

alam sekitar dan juga hidupan laut.

Plastik ini juga memudahkan kos memandangkan ia diperbuat daripada bahan buangan iaitu batang pisang dan kulit jagung. Bahannya walaupun nampak tidak bernilai, jika kita jadikan produk, ia akan memberi faedah kepada semua.



● Norashikin menerangkan kajian yang dilakukannya kepada pelajar yang mewakil Pameran Penyelidikan dan Inovasi Universiti Teknikal Malaysia.



● Norashikin bersama suaminya yang banyak memberi sokongan bagi menjayakan penyelidikan itu.